

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : LOKAL



AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : LOKAL

Oleh Mohd Jamilul
Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Cecair vape bikin khayal

Tokan dadah aktif jual perisa vape mengandungi dadah untuk RM150 bagi 10ml

Agresif menggunakan media sosial, laman e-dagang dan sesawang gelap (dark web) untuk menjual cecair rokok elektronik (vape) mengandungi pati ganja, syabu atau ketamin pada harga serendah RM150 bagi botol bersaiz 10 milliliter (ml).

Pengalalis jenayah, Kamal Affandi Hashim berkata, berdasarkan tinjauan dilakukan pihaknya, cecair vape mengandungi dadah dijual meluas di media sosial dengan menyamar menggunakan pelbagai perisa.

Menurutnya, ada antaranya berselindung di sebalik perisa buah-buahan (*fruity*), *creamy* atau *free base* yang popular dalam kalangan penghisap vape.


"Jika dahulu kita berdepan dengan masalah pengedar dadah yang bergerak secara 'sorok-sorok' namun kini kita 'berperang' pula dengan 'tokan' dadah vape.

"Golongan ini tidak lagi membawa dadah untuk dihantar kepada penagih. Sebaliknya modus operandi mereka lebih 'kemas' apabila hanya perlu menghantar botol vape dadah menggunakan khidmat kurier atau pos.

"Berdasarkan maklumat, cecair ganja THC atau *tetra hydrocannabinol* dan *methylenedioxymethamphetamine* (MDMA) kerap dicampurkan ke dalam cecair vape selain dadah ketamin.

"Berbanding cecair vape biasa yang dijual sekitar RM15 bagi cecair 10ml, cecair vape khayal berisi dadah dijual menjangkau RM150, sebotol dan boleh digunakan berulang kali," katanya.

Menurutnya, kebanyakan premis menjual cecair vape



CECAIR vape berisi dadah yang dirampas.

berlesen didapati tidak terabit dengan kegiatan jenayah ini.

Sementara itu, Ketua Polis Pakatan Bertindak Berhenti

Merokok, Kluster Perubatan dan Kesihatan, Akademi, Profesor Malaysia Prof Mohamad Haniki Nik Mo-



hamed berkata, rokok elektronik vape berpotensi digunakan bagi penyalahgunaan pelbagai jenis dadah berbahaya.

Sebagai contoh menurutnya, dilaporkan sebelum ini berlaku penambahan cecair ganja (THC) dan ini dikaitkan dengan majoriti kes penyakit baru yang dikenali sebagai evali (*e-Cigarette and*

"Cecair vape khayal berisi dadah dijual menjangkau RM150"
Kamal Affandi



Modus operandi mereka lebih 'kemas' apabila hanya perlu menghantar botol vape dadah menggunakan khidmat kurier atau pos"

Kamal Affandi

Vaping Associated Lung Injuries).

Beliau berkata, langkah terbaik adalah mengharamkan terus rokok elektronik seperti mana dilakukan beberapa negara maju atas bukti peranti rokok elektronik boleh digunakan untuk tujuan penyalahgunaan dadah.

"Penggunaan e-rokok ini mungkin menjadi pintu masuk kepada penggunaan dadah terlarang lain dan membawa kepada penyebaran penyakit maut melalui perkongsian peranti," tambahnya.

Menurutnya, penjualan cecair vape mengandungi dadah turut dikesan berlaku di beberapa negara lain termasuk Kemboja yang melakukan banyak rampasan terhadap produk ini.

Penjualan secara terbuka tingkat angka penagih baru

Kuala Lumpur Aktiviti menjual cecair rokok elektronik (vape) *cocktail* mengandungi dadah secara terbuka semakin membimbangkan apabila ia memberi ruang dan peluang kepada penagih dadah baharu mendapatkan bahan terlarang itu secara mudah.

Perkara itu disahkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) semalam apabila mengesahkan masih wujud aktiviti menjual cecair vape dadah di negara ini.

Setiausaha PDRM Datuk Noorshah Mohd Saaduddin berkata, tindakan membanteras kegiatan itu sudah dan



Tindakan tegas akan dikenakan kepada mana-mana pihak yang terlibat dalam kegiatan bahan larangan ini,"

Noorshah

sedang diambil PDRM.

Beliau berkata, ia termasuk kejayaan PDRM menumpaskan sindiket pengedaran dadah dalam bentuk cecair vape di sekitar Lembah Klang bulan lalu melalui sitaan dadah dan harta

bernilai RM3.47 juta selain menahan tujuh suspek.

"PDRM serius dalam pembanterasannya kegiatan membabitkan pengedaran dan penyalahgunaan dadah. Tindakan tegas akan dikenakan kepada mana-mana pihak yang terlibat dalam kegiatan bahan larangan ini," katanya semalam.

Sebelum ini media tempatan melaporkan vape mengandungi dadah dijual secara berleluasa dalam talian dan dipasarkan terang-terangan kepada pengguna.

Pada 15 Oktober lalu, Jabatan Siasatan Jenayah Nar-kotik (JSJN) PDRM menum-

paskan sindiket dadah menggunakan modus operandi mencampurkan cecair dadah ketamin dalam botol perisa vape.

Enam lelaki tempatan dan seorang wanita warga Indonesia berumur antara 25 hingga 34 disyaki dalang sindiket ditahan dalam empat serbuan berasingan di sekitar Lembah Kelang, Khamis lalu.

Dalam serbuan di Lembah Klang itu, polis merampas dadah berupa cecair ketamin dalam perisa vape seberat 104.16 liter, syabu seberat 27.56 gram (gm) dan 160 biji pil yaba seberat 32gm.

Sindiket dipercayai aktif menjalankan kegiatan sejak awal tahun ini dengan modus operandinya mencampur cecair ketamin ke dalam perisa vape dan menggunakan perkhidmatan kurier bagi mengedarkan dadah untuk pasaran tempatan.

Sementara itu, dalam satu lagi operasi berasingan 13 Oktober lalu, sepasang kekasih diberkas polis selepas dikesan aktif menjual dadah dalam bentuk rokok dan cecair vape menerusi media sosial sejak tiga bulan lalu.

Suspek berusia 29 dan 30 yang juga graduan universiti ditahan bersama 58 ki-

logram (kg) dadah dikenali sebagai *mushroom* atau *magic mushroom* dianggarkan bernilai RM1.4 juta di sebuah kondominium di Jalan Seri Wangsa, Wangsa Maju di sini, 13 Oktober lalu.

Polis kemudian merampas 57kg *mushroom* dalam beberapa goni, 17.7 gram ganja serta 23 botol cecair vape mengandungi dadah.

Turut ditemui, 2.9 kg serbuk dan 27.8 liter cecair kimia untuk memproses dadah serta peralatan menghasilkan barang terlarang dan wang tunai RM300 dengan jumlah keseluruhan rampasan RM1.5 juta.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : LOKAL

1,085 PPK bakal terima lantikan tetap

Sungai Buloh: Seramai 1,085 pembantu perawatan kesihatan (PPK) bakal menerima pelantikan jawatan tetap menjelang Januari tahun depan bagi mengisi sebahagian daripada 2,456 kekosongan jawatan itu di seluruh negara.

Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin berkata, pelantikan jawatan itu turut merangkumi PPK *Malaysia Short-Term Employment Programme* (MySTEP) bertaraf kontrak yang akan diberi peluang untuk diserap sebagai PPK tetap.

"Kita akan sahkan dan hantar untuk *posting* pada Januari depan dan baki kekosongan jawatan PPK se-

terusnya akan diuruskan pada suku kedua 2023," katanya ketika berucap merasmikan Sambutan Hari Pembantu Perawatan Kesihatan peringkat Hospital Sungai Buloh, di sini, semalam.

MySTEP adalah inisiatif kerajaan bernilai RM700 juta yang membuka 50,000 peluang pekerjaan jangka pendek (kontrak) di pelbagai kementerian, agensi kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Khairy berkata, untuk kemasukan masa terdekat, 100 calon PPK akan menerima tawaran pelantikan jawatan pada 5 Disember ini.

3AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA



HOSPITAL Bera yang beroperasi sejak Julai lalu melegakan penduduk selepas lebih 10 tahun terbangkalai.



ISMAIL SABRI menyantuni salah seorang pesakit Hospital Bera.

Pusat rawatan akhirnya beroperasi selepas terbangkalai lebih 10 tahun

Hospital Bera hadiah bermakna PM

Oleh AZIZAH SHAFIEI

BERA – Penduduk di kawasan ini bersyukur apabila Hospital Bera yang mula beroperasi sejak 1 Julai lalu selepas tertangguh bertahun-tahun memberi 1,001 rahmat buat mereka kerana dapat menjimatkan masa, tenaga dan wang daripada mendapatkan rawatan di tempat lain.

Sejak beroperasi, hospital itu tidak pernah sunyi dari dikunjungi pesakit yang datang tanpa mengira masa.

Pembinaan Hospital Bera yang mengambil masa lebih 10 tahun untuk siap menerima pelbagai kecaman berikutan sering terbangkalai akibat kegagalan kontraktor.

Namun kesungguhan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang juga Ahli Parlimen Bera berjaya mempercepatkan proses pembinaan hospital ber-



ABD. LATIF

karena sekali gus membolehkan ia beroperasi.

Seorang penduduk, **Abd. Latif Kamal Basah**, 34, dari FELDA Kumai di sini berkata, beliau amat teruja apabila Hospital Bera yang dinantikan itu akhirnya menjadi realiti.

"Terlalu lama kami menunggu hospital ini siap, asyik terbang-



NORJALINA

kalai disebabkan masalah kontraktor tetapi oleh kerana ada campur tangan Perdana Menteri, hospital ini akhirnya berjaya beroperasi.

"Selepas ini tiada lagi isu berbangkit berkaitan hospital ini, kami boleh berbangga yang kini Bera mempunyai hospital sendiri," katanya di sini semalam.

Pembinaan Hospital Bera diluluskan oleh kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dengan peruntukan kos sebanyak RM92.5 juta di atas tanah seluas 13.35 hektar di yang dilengkapi dengan 40 buah katil.

Dalam pada itu, seorang penduduk, **Norjalina Wahid**, 39, berkata, fasiliti di hospital itu amat memuaskan dengan pelbagai infrastruktur teknologi moden yang diguna pakai seperti sistem robotik dan 'cashless'.

"Dengan adanya hospital berdekatan, kami tidak perlu ke hospital lain, itu yang penting, kami tidak lagi buang masa dan pesakit boleh menerima rawatan lebih cepat.

"Sebelum ini penduduk setempat yang sakit terpaksa menempuh perjalanan sejauh 32 hingga 52 kilometer di hospital-hospital yang berdekatan seperti

Hospital Temerloh dan Hospital Jempol," ujarnya.

Menurutnya, meskipun baru beberapa bahagian di hospital itu beroperasi, dia berharap, bahagian lain dapat dibuka selewat-lewatnya awal tahun.

Sementara Azizah Ahmad, 45, turut mengakui pembukaan Hospital Bera memberikan kemudahan kepadanya sekeluarga.

Katanya, dia telah beberapa kali membawa anaknya ke Unit Kecemasan berikutan diserang sesak nafas dan perkhidmatan yang diberikan sangat oleh para petugas kesihatan sangat cekap dan cepat.

"Alhamdulillah sudah lebih tiga kali saya bawa anak ke hospital bagi mendapat rawatan, setakat ini perkhidmatan yang disediakan sangat memuaskan hati, termasuk para petugas kesihatan yang ramah melayan pesakit," ujarnya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL

Pembangunan untuk Hospital Sungai Buloh

Sungai Buloh: Calon kerusi Parlimen Sungai Buloh Khairy Jamaluddin tidak mahu hanya popular di media sosial sahaja, sebaliknya gagal meraih undi pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) akan datang.

Khairy berkata, populariti diperoleh di media sosial terutama di aplikasi TikTok selepas nama diumumkan calon Parlimen Sungai Buloh adalah sesuatu yang baik.

"Populariti media sosial sesuatu yang bagus, tetapi apa yang penting adalah undi. Tak guna popular di me-

dia sosial, tapi tak dapat undi daripada pengundi (untuk menang PRU).

"Jadi saya akan gunakan peluang kempen ini untuk berjumpa seramai mungkin pengundi di Sungai Buloh untuk beritahu visi saya kepada kawasan ini untuk mereka menilai sama ada visi ini dapat membantu mereka atau tidak," katanya.

Khairy berkata demikian ketika diminta mengulas populariti diraih di media sosial terutama di aplikasi TikTok sejak kebelakangan ini.

Terdahulu, Khairy meng-

hadiri Majlis Sambutan Hari Pembantu Perawatan Kesihatan Peringkat Hospital Sungai Buloh Tahun 2022, di sini, semalam.

Sementara itu, Khairy yang juga Menteri Kesihatan berkata, beliau bakal mengumumkan manifesto bagi Parlimen Sungai Buloh minggu depan dengan satu daripadanya pembangunan Hospital Sungai Buloh.

"Saya akan mengumumkan penambahbaikan signifikan untuk Hospital Sungai Buloh. Hospital ini bakal menerima satu projek besar

dengan menaik taraf dan reputasi hospital yang menjadi antara pusat rujukan kebangsaan sebagai destinasi perubatan bertaraf dunia.

"Janji ini bukan janji saja. Saya akan kongsi. Janji menepati kepakaran yang ada di hospital ini dan sebenarnya menepati perancangan dibuat hospital sendiri. "Memang ada tapak dia, ada perancangan, ada pakar, itu pun kerja dibuat di hospital ini sejak sekian lama untuk dijadikan pusat kebangsaan atau institut kebangsaan," katanya.

3AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

'Mask up with new Covid-19 wave sweeping nation'

PETALING JAYA: People should keep their face masks on in crowded and enclosed areas as the new Covid-19 wave sweeps the nation, says Health Minister Khairy Jamaluddin.

Khairy said the public should remain vigilant and adhere to the TRIIS method – Test, Report, Isolate, Inform and Seek – should they be infected.

He also said the drug Paxlovid would be given to high-risk patients.

"Covid-19 cases have reached nearly 4,000 today (Thursday), with about 96% belonging to Category 1 and 2.

"We are experiencing a wave of infections. Whether the wave is big or small depends on our actions," he said in a post on his Twitter account.

Prior to this, Khairy had said the nation was experiencing a small wave of Covid-19 cases due to the Omicron XBB subvariant.

On Monday (Oct 31), he said that Covid-19 infections due to the XBB subvariant were expected to go up in the next few weeks – to between



3,000 and 5,000 daily cases – with the crest of the wave coinciding with the 15th General Election.

He reminded the public to be careful, especially with the country entering the campaign period

for GE15.

Khairy also encouraged frontline staff, including Election Commission employees who will be on duty during GE15, to get a second booster vaccine dose.

Stay vigilant:
The people are reminded to keep their face masks on in crowded and enclosed areas.
— Filepic

Watch the video
TheStarTV.com



AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS



Khairy with Sungai Buloh Hospital staff at the Healthcare Assistants Day celebration yesterday. —BERNAMAPIC

Khairy ready for 'impossible mission' in Sungai Buloh

KUALA LUMPUR: Khairy Jamaluddin wants to accomplish an impossible mission by winning the Sungai Buloh parliamentary seat in the polls.

"I come here as the underdog, but I am confident. If we unite and work hard, convince the voters, we can conquer Sungai Buloh on Nov 19."

He was speaking at the "Together With KJ" event held in Sungai Buloh on Wednesday.

Khairy said the task of winning the seat would not be easy because the incumbent had won it by a majority of 20,000 votes in the last general election.

The caretaker Health minister added that he would be launching his manifesto *Kata Janji KJ* (KJ's Promise) next week, which focuses on education, flood mitigation, infrastructure and economic measures to benefit Sungai Buloh residents.

On a separate matter, Khairy said he had signed a pledge on a BN letterhead and four party logos, reflecting loyalty to the coalition, Bernama reported.

"I did not sign any pledge with an Umno letterhead, which has been (widely shared online)."

Khairy was speaking after opening a Healthcare Assistants Day celebration yesterday.

He was asked about a pledge on an Umno letterhead allegedly

signed by him, which had been spread on social media, backing Umno president Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi as prime minister if BN were to win.

Khairy reiterated that the candidate for the 10th prime minister is Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

"The PM candidate is Datuk Seri Ismail Sabri. Full stop. That is BN's position as announced by the Umno president himself."

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

1,085 healthcare assistants to get permanent jobs

SUNGAI BULOH: A total of 1,085 healthcare assistants (PPK) will be absorbed into permanent positions by January 2023 to fill some of the 2,456 vacancies available throughout the country.

Caretaker Health Minister Khairy Jamaluddin said the appointments cover the PPK Short-Term Employment Programme (MySTEP) with contract status that are given equal opportunities.

"We will confirm the appointments next January and fill the remaining PPK posts in the second quarter of 2023," he said at the Sungai Buloh Hospital-level PPK Day celebration yesterday.

MySTEP is a RM700 million government initiative to create 50,000 contract job opportunities in various ministries, public agencies and government-linked companies.

Khairy said about 100 PPK candidates will also be given offers for admission as early as next month.

He added that the appointments to some extent can lessen the burden of doctors and nurses who are tasked with various duties.

In the 1960s, PPKs were known as *amah* before being changed to "attendant" in the 1980s and officially changed to PPK in 2007.

Their duties include helping to carry out basic work regarding patient care, equipment and recording patient data.

In addition to staffing, Khairy said the Health Ministry will also look at issues pertaining to posts with acting status and promotions from time to time. - Bernama